



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

14 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Jumlah kes import harian melibatkan warga asing kekal berkurangan sejak beberapa bulan lalu menunjukkan kejayaan polisi kerajaan menyekat kemasukan warga asing dengan menutup pintu sempadan termasuk penguatkuasaan OP BENTENG di kawasan sempadan serta perairan negara.

Penutupan pintu sempadan rasmi seperti di lapangan terbang menjadi fokus kerajaan untuk memastikan tiada kemasukan warga asing yang boleh menyumbang kepada penularan kes COVID-19 di dalam negara.

Pasukan keselamatan negara yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan RELA bertungkus-lumus melakukan rondaan dan kawalan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan rakyat terjamin.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merekodkan penurunan kira-kira 20 peratus kes positif sepanjang tujuh hari pada minggu ke-22 berbanding minggu sebelumnya sekali gus memberi sedikit kelegaan kepada rakyat selepas peningkatan mendadak kes sebelum ini.

Di harap dengan penurunan kes harian, segenap lapisan rakyat tidak leka akan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sekali gus dapat melandai lengkuk ke tahap yang lebih baik.

PKPD Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor.

Secara kumulatifnya, seramai 128 individu telah disahkan positif COVID-19 selepas KKM menjalankan ujian saringan ke atas 237 penghuni dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor berkuat kuasa 16 Jun sehingga 29 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 2 lokaliti di Bukit Dinding, Mukah, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Bukit Dinding, Mukah, Sarawak yang melibatkan:

- Rumah Panjang Alat anak Mukan
- Mukah Palm Oil Mill

Sehingga kini, sebanyak 31 kes positif telah dilaporkan hasil daripada 70 ujian saringan di Rumah Panjang Alat anak Mukan manakala di Mukah Palm Oil Mill, 14 individu disaring, 10 daripadanya direkodkan positif COVID-19.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 16 Jun sehingga 29 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Sundang Laut, Sandakan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Sundang Laut, Sandakan, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 18 saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19. Saringan komuniti perlu dijalankan segera untuk mengesan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sundang Laut, Sandakan, Sabah berkuat kuasa 16 Jun sehingga 29 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 2 Lokaliti di Penampang, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di dua lokaliti di Penampang, Sabah yang melibatkan Country Heights Apartment dan Vista Minintod Apartment.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes dalam tempoh 2 minggu apabila sebanyak 18 kes positif telah direkodkan daripada 25 disaring di Country Heights Apartment dan 14 kes positif di Vista Minintod Apartment hasil saringan ke atas 21 orang.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Country Heights Apartment dan Vista Minintod Apartment bermula 16 Jun sehingga 29 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD akan memudahkan tindakan kawalan COVID-19 dijalankan dengan cepat dan berkesan, seterusnya menghalang penularan lanjut dalam kawasan terlibat serta ke komuniti luar.

PKPD Kampung Skim Cocos, Kunak, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Skim Cocos, Kunak, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang ketara dalam tempoh seminggu di lokaliti tersebut di mana 10 kes positif telah direkodkan dari 24 ujian saringan yang dijalankan dengan kadar positifiti 42%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Skim Cocos, Kunak, Sabah berkuat kuasa 16 Jun sehingga 29 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko kekal berada dalam kawasan PKPD dan menyekat pergerakan serta penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD 11 Rumah Panjang dan SK Stalon, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 11 Rumah Panjang dan Sekolah kebangsaan (SK) Stalon, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 15 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 177 ujian saringan dan 90 daripadanya dilaporkan positif COVID-19

KKM juga mendapati kes masih menular dalam kalangan penduduk selain terdapat kes baru direkodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di 11 Rumah Panjang dan SK Stalon, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak bermula 16 Jun sehingga 29 Jun 2021.

Pelanjutan PKPD FELDA Trolak Utara, Sungkai, Perak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Trolak Utara, Sungkai, Perak yang dijadualkan tamat pada 15 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 2,493 ujian saringan dan 59 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati kes masih menular dalam kalangan penduduk, terdapat juga kes baru direkodkan selain masih banyak sampel ujian belum mendapat keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di FELDA Trolak Utara, Sungkai, Perak bermula 16 Jun sehingga 22 Jun 2021.

Penamatan PKPD 28 Mukim Kota Setar, Kedah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 28 Mukim Kota Setar, Kedah yang dijadualkan tamat pada 15 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 8,008 ujian saringan dan 1,686 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di 28 Mukim Kota Setar, Kedah pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Pagi, Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pagi, Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang yang dijadualkan tamat pada 15 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 380 ujian saringan dan 37 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Pagi, Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Bandar Bentong, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Bandar Bentong, Pahang yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 6,711 ujian saringan dan 21 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Bandar Bentong, Pahang pada 14 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Rumah Panjang Wun anak Ering, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Panjang Wun anak Ering, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 16 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 172 ujian saringan dan 30 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Rumah Panjang Wun anak Ering, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Bunut, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bunut, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 16 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 175 ujian saringan dan empat (4) daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Bunut, Mukah, Sarawak pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 93,241 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,153 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,461 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 958 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 910 individu dikompaun, 47 direman manakala seorang lagi dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (232)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (196)
- Tidak memakai pelitup muka (135)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (112)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (105)
- Membawa penumpang berlebihan (63)
- Aktiviti pusat hiburan (38)
- Premis gagal patuhi arahan (8)
- Lain-lain (69)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah 10 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas lapan (8) buah kenderaan darat serta empat (4) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 207 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui lapan (8) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 984 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 930 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 113 operasi sanitasi meliputi 57 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (2) telah dilaksanakan di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 610 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 260 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 121 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 27,556 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 516 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 226,024 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 77 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,509 individu telah dikuarantin dan 214,837 orang dibenarkan pulang manakala 2,678 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 690 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (513), pemborong (148) dan pengilang (29).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,809 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,802 premis mematuhi SOP manakala tujuh (7) lagi dikompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 19 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada positif COVID-19 direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 698,996 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,236 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,351 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,645 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**